

31 JAN 2001

Tajol-Belia

SAMBUTAN BELIA KEBANGSAAN AKAN DIADAKAN DI PERAK

IPOH, 31 Jan (Bernama) -- Perak akan menjadi tuan rumah kepada dua acara memabitkan program belia peringkat kebangsaan pada tahun ini, kata Menteri Besar Datuk Seri Mohamed Tajol Rosli Ghazali.

Katanya Kementerian Belia dan Sukan telah memilih negeri ini buat kali kedua untuk sambutan Hari Belia Negara pada bulan Mei dan Mesyuarat Agung Gerakan Belia 4B pada hujung tahun ini.

"Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka akan merasmikan sambutan Hari Belia Negara dan menyampaikan amanat pada majlis itu yang akan berlangsung di Stadium Perak", katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat exco kerajaan negeri di pejabatnya di sini hari ini.

Mesyuarat itu juga memutuskan Mohamed Tajol Rosli sebagai pengerusi jawatankuasa sambutan Hari Belia Negara manakala Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri Jamal Nasir Rasdi sebagai timbalannya.

Beliau berkata dianggarkan lebih 30,000 belia dari seluruh negara akan menghadiri majlis itu.

Mohamed Tajol Rosli juga berkata dijangka 1,000 perwakilan Belia 4B kebangsaan dan negeri akan berkumpul di Ipoh bagi menghadiri mesyuarat agung gerakan itu.

Sementara itu, sembilan daripada 10 pegawai khas kepada exco mengangkat sumpah jawatan di hadapan Menteri Besar pada satu majlis selepas mesyuarat exco hari ini.

Menteri Besar berkata ini merupakan kali pertama exco di negeri ini disediakan pegawai khas yang bertujuan untuk membantu dalam soal-soal politik dan kemasyarakatan.

"Selepas itu kita akan sediakan pegawai khas untuk setiap Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) pula bagi tujuan yang sama", katanya.

-- BERNAMA

PBA RHM